

FKSW UMS adakan Kembara Puisi di SK Ulu Kukut

UB 24.11.2019 16

FAKULTI Kemanusiaan Seni dan Warisan UMS mengadakan Kembara Puisi UMS - SK Ulu Kukut selama sehari di SK Ulu Kukut pada 12 November lalu dengan objektif untuk menyuburkan budaya seni dalam jiwa generasi muda.

Seramai 60 orang pelajar jurusan penulisan Tahun 2 daripada fakulti itu hadir ke SK Ulu Kukut semenjak pagi, bagi menerapkan ilmu dan teori penulisan kepada para pelajar yang terdiri daripada pelajar Tahun 5 dan Tahun 6 dari sekolah berkenaan.

Pensyarah Program Penulisan, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan UMS, Dr Lokman Abd Samad menyifatkan program tersebut telah berjaya mencapai sasaran kerana kunjungan mereka telah mendapat sambutan hangat warga sekolah, baik pelajar mahupun guru-guru.

"Kebanyakan daripada mereka ini belum pernah melalui pengalaman bersama pelajar di sekolah luar bandar seperti di sini, apatah lagi rata-rata mereka ini mempunyai latar yang berbeza terutama daripada segi lokality, sosial dan kepercayaan," ujarnya.

Kata Lokman lagi, semua karya yang dihasilkan oleh pelajar SK Ulu Kukut dan



AKTIVITI BERKUMPULAN: Aktiviti berkumpul sedang dijalankan oleh para pelajar UMS bersama murid SK Ulu Kukut. turut berada dalam gambar, Mokilau Rudin (kiri), Norawi Hj Kata (tengah) dan Ramlie Jusoh (kanan).



NORDIN



LOKMAN



SOFINIE

pelajar UMS terlibat semasa mengadakan program itu bakal diterbitkan melalui

sebuah antologi yang diselenggarakan oleh pihaknya dengan kerjasama SK Ulu Kukut dan PSBS (Persatuan Bahasa dan Budaya Sabah).

Dalam masa yang sama Lokman mengharapkan agar kembara sastera sedemikian dapat diteruskan lagi pada masa akan datang, memandangkan sambutan PIBG SK Ulu Kukut yang amat amat membanggakan dan di luar jangkaan.

"Kita boleh membuat program di sini selama dua hari satu malam, kita boleh membuat pementasan teater dengan melibatkan pelajar UMS serta murid-murid sekolah ini. Saya optimis, bahawa perkhemahan sastera mampu mendekatkan masyarakat dengan institusi pendidikan," jelasnya.

Perkara tersebut turut dipersetujui oleh pelajar UMS yang terlibat dalam program itu, Sofinie anak Anthony, 21. Menurutnya, program kembara sastera yang dilaksanakan di SK Ulu Kukut memberinya pengalaman baru apabila bersama dengan murid-murid sekolah

berkenaan.

"Murid-murid sekolah di sini amat kreatif dan bersemangat pula menulis. Sudah sepatutnya sedemikian, kerana Ulu Kukut dan sekitarnya begitu tenang dan amat menginspirasi. Saya tidak hairan jika pada suatu masa nanti ramai penulis dilahirkan di sini.

Saya berkongsi ilmu dengan mereka bagaimana menulis autobiografi. Maklum balas yang diberikan oleh mereka amat membanggakan. Mereka mempunyai idea-idea yang menarik. Saya pasti tak melepaskan peluang jika fakulti kami datang ke sini lagi," jelas Sofinie yang berasal dari Bintulu.

Pegawai Perancang Bahasa Dewan Bahasa Cawangan Sabah, Nordin Zainal Abidin yang turut hadir ketika program itu menyifatkan kesediaan Fakulti Seni UMS memiuh SK Ulu Kukut sebagai tempat program merupakan suatu pilihan bijak dan tepat.

Tambah Nordin, Guru Besar SK Ulu Kukut, Norawi Hj Kata adalah seorang insan yang amat cakna dengan



CENDERAHATI: Lokman Abd Samad menyampaikan cenderahati kepada Norawi Hj Kata, sambil disaksikan oleh Mokilau Rudin.

pertumbuhan sastera dan budaya di negara ini, apatah lagi Norawi merupakan penggiat sastera yang disegani di Sabah.

"Program ini merupakan suatu tanda aras betapa sastera dan seni dibudayakan di sini, selain daripada sains, teknologi dan matematik yang perlu dikuasai oleh pelajar. Saya difahamkan, keputusan UPSR meningkat setiap tahun seiring dengan pelbagai program ilmu yang dilaksanakan di sekolah ini," ujarnya.

Timbalan Pegawai Pendidikan Kota Belud, Mokilau Rudin, dalam ucapan perasmian penutupan program itu memuji usaha SK Ulu Kukut memperkasakan bidang sastera dan budaya di sekolah, sehingga lahirnya antologi Puteri Limau di Ulu Kukut hasil karya murid-murid SK Ulu Kukut dan SK Kaguraan.

"Dalam pengalaman saya sebagai pendidik, program-program sebegini mampu meleraikan tekanan yang dihadapi murid-murid. Program sebegini akan membuatkan minda mereka lebih terbuka dan kreatif, malah mereka juga akan teruja mencari ilmu tambah untuk memperbaiki karya mereka," jelasnya.

Malahan katanya, kehadiran agensi luar seperti UMS dan IPG Kent sebelum ini di sekolah itu mampu menambahkan rasa percaya diri kepada murid-murid, kerana dapat berkomunikasi dengan mereka yang menuntut ilmu di institusi pendidikan lebih tinggi.

Yang turut hadir dalam program sehari itu ialah Guru Besar SK Ulu Kukut, Norawi Hj Kata dan Munsyi Sastera Dewan yang juga Bapa Angkatan SK Ulu Kukut Ramlie Jusoh, dan turut diserikan lagi oleh persembahan gesekan biola Isun-isun beserta lagu puisi oleh Masruh Siadik aka Tok Isun-isun -Artikel sumbangan Mubulmaddin Shaidin



FORUM: Penulis bersama ahli panel yang lain untuk forum tentang Puisi, Seni Budaya dan Kulintang, Perpustakaan Negeri Sabah, Cawangan Beaufort, 9 November 2019.

Hilang adat, hilanglah adab, menghargai pengundang

"KESUDIAN tuan menerima pelawaan ini amatlah dihargai." Begitulah ayat yang tertulis dalam surat pelantikan. Surat itu diakhiri "dan didahulukan dengan ucapan terima kasih." Surat pelantikan itu ditandatangani oleh Puan Aminah Awang Basar, Pengarah, DBP Cawangan Sabah. Aku terima surat pelantikan itu daripada tangan pegawai itu, Tuan Noordin Zainal Abidin, yang kami biasa panggil sebagai Tuan Norza saja.

Kalau program pasal bahasa, seni dan sastera, "wayipa kiyatilu", siyambutna", yang bermaksud "belum lagi dihumban sudah disambut," kata orang tua-tua Suluk dulu bila diundang kesatu majlis. Kerana setiap undangan itu adalah satu penghargaan kepada orang yang diundang dan menghargai pula orang yang mengundang. Bagiku, kata-kata ini sama nilainya dengan peribahasa Melayu, "kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan."

Beberapa hari lagi festival itu berlangsung sudah dipelawa untuk hadir oleh penganjur. Kami dengan abang Abd Nordin Shaidin telah berpakat untuk sama-sama pergi. Sehari sebelum pergi, dia memberitahu, adiknya yang akan pergi bersama-samaku. Dia ada hal lain yang perlu dihadiri pada jadual yang sama.

"Jam berapa ke Beaufort besok," tanya Mubulmaddin Hji Shaidin lewat telefon. "Samasama tanu bu' sangur duu," jawabku dalam bahasa Iranun, versiku. Aku tidak pasti betul kah tidak tatabahasanya dan perkataan-perkataan yang aku sebut itu. Kami pergiselapaku dan Dr Mizpal Ali menyerahkan manuskrip penuh tentang kajian Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah bagi etnik Suluk kepada Tuan Mansur Asun, Pengurus Besar Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS).

Kami sampai ke Beaufort mentari sudah bergantung di pinggir langit. Tinggal kami tunggu jatuh ke gaung malam. Kami mencari santapan selepas meletakkan beg pada tubuh katil di dalam bilik hotel pinggir Sungai Padas itu. Beberapa kemudian gaungan azan Maghrib sudah mula kami dengar dari arah jauh. Entah daripada arah mana.

Pagi esoknya, berhadapan dengan kuli Kelupis dan kuli Kucong, kami merasai nikmat sarapan pagi itu. Dalam jadual, forum yang kami ikuti ditetapkan pada 9:30 pagi, 9 November 2019, di Perpustakaan Negeri Sabah, Cawangan Beaufort. Di sana aku nampak ayat, "Mogogot Mambaca, Mogilo Alap." Aku tidak tahu maknanya. Fikirku ayat itu ditulis dalam bahasa Bisaya. Aku tidak sempat bertanya kepada sesiapa. Aku suka kalau ada bahasa sukan begini. Walaupun aku tidak faham, aku boleh baca. Baca saja dan dengar bunyinya sudah cukup menjadi pencuit mindaku.

Dalam forum itu, aku duduk di sebelah kiri abang Juri Durabi, sebarisan dengan para penulis, penggiat seni, budaya dan sastera, seperti Nim Yorza, Dr. Raymond Majumah, Mubulmaddin Hji Shaidin dan abang Hasyuda Abadi. Mereka berkongsi tentang puisi, seni budaya yang saling berkaitan dengan bunyi kulintang dalam etnik Iranun, Rungus, Sungai, Dusun dan Murut. Daripada hasil pukulan gong-gong kecil yang disusun inilah menurut etnik Suluk kata "kulintang" terbit sebagai satu perkataan, yang artinya "memukul agar dapat menghasilkan bunyi yang berkulintang."

Aku berkongsi tentang Warisan Budaya Intangible. Warisan budaya yang perlu dilihat nilai kearifan tempatannya. Warisan budaya seperti ini terlalu banyak di Sabah dengan kepelbagaian etnik yang ada di sini. Dalam jumlah etnik di negeri ini, mungkin masih kurang yang sempat didokumentasikan. Nilai-nilainya belum ada penelitian dan analisis yang mendalam untuk dibukukan agar warisan budaya setiap etnik dapat dipelajari oleh semua etnik di sini.

Takrifan UNESCO tentang Warisan Budaya Intangible (ICH) ini sebagai ruang budaya setempat adalah suatu amalan, perwakilan, ekspresi, pengetahuan atau kemahiran, serta alat-alat muzik, objek dan artifak.

Secara peribadi, inilah salah satu harapan aku buat Festival Puisi, Seni Budaya dan Kulintang Nusantara di Beaufort pada tahun mendatang, yang pertama kalinya dianjurkan pada tahun 2019 ini. Festival yang akan menjadi pementasan untuk warisan budaya ini dianjurkan atas kerjasama dan usaha BAHASA Sabah, Pejabat Daerah Beaufort, Unit Pemimpin dan Pembangunan Masyarakat Beaufort, Majlis Daerah Beaufort, GAPENA, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian, Negeri Sabah, PBBS dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.

Oleh sebab festival ini dianjurkan bersempena dengan program Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan, selain persembahan kulintang, tarian kebudayaan tempatan, persembahan dari wakil negara serantau dan forum tentang puisi, seni budaya dan kulintang, aku berdiri tegak memberikan tabik hormat kepada sekalian penggerak dan penganjurinya.

Setelah diminta menggulung sesi forum dalam tiga minit setiap seorang, aku meringkaskan harapanku untuk warisan budaya yang ada di Sabah ini dapatlah dibukukan selapas nilai-nilainya dikaji dan dianalisis secara mendalam untuk generasi mendatang. Bak kata pepatah orang tua-tua Suluk, "bang malawa' in adat, mawalana' in addat," yang bermaksud "hilang adat, hilanglah adab."

Artikel sumbangan oleh Nelson Dino.



PENYERI: Penampilan Tok Isun-Isun turut menyerikan program Kembara Puisi UMS - SK Ulu Kukut.



GAMBAR RAMAI: Pelajar UMS, murid-murid SK Ulu Kukut serta mereka yang terlibat bergambar ramai selepas program itu.